

08/08/2001

Pelajar Melayu perlu hindari gejala negatif

KUALA LUMPUR, Selasa - Kemasukan pelajar Melayu ke universiti mungkin merosot jika dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara ini dilaksanakan.

Penyair yang popular dengan karya Islam, Rahimidin Zahari, berkata cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah amaran kepada orang Melayu.

"Pelajar Melayu perlu diberi amaran bagi mengelakkannya mereka daripada terus ketinggalan dan hanyut dengan kegiatan negatif sehingga lupa tanggungjawab kepada diri, keluarga, bangsa dan negara," katanya.

Rahimidin yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) akan mempersembahkan Mantera Buka Panggung dalam program Kembara Puisi IPT 2001 di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, pada 11 Ogos ini.

Program kali ke-8 ini anjuran Berita Harian Sdn Bhd mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan dijadikan sebahagian daripada program Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) 2001 yang akan diraikan pada September ini.

Program kali ini juga mendapat kerjasama Badan Seni Budaya Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat).

Beliau berkata, generasi muda Melayu kini semakin ramai yang lupa bahawa sebahagian daripada mereka berjaya ke IPTA adalah kerana ihsan kerajaan dan jumlah yang terjebak dalam gejala sosial juga meningkat.

"Berita generasi muda Melayu terjebak dalam rompakan, rogol dan bunuh menyebabkan saya sedih kerana kita mempunyai akar budaya dan agama Islam sebagai pegangan yang sepatutnya dapat mengelakkan kita daripada terjebak," katanya.

Mahasiswa Fakulti Petadbiran Undang-Undang, Nik Saidah Fatiha Yazid, bercadang mendeklamasikan puisi Anak Warisan Merdeka dengan iringan muzik gamelan sebagai eksperimen.

"Pada mulanya saya mahu mendeklamasikan puisi ini dengan iringan rebab tetapi kerana UiTM tidak mempunyai alat muzik berkenaan, maka saya gantikan dengan gamelan," katanya Johan Deklamasi Puisi Peringkat Kebangsaan Matrikulasi 2000.

Nik Saidah berkata, puisi mempunyai peranan tersendiri dalam pembangunan dalaman masyarakat dan boleh dimanfaatkan bagi melakukan kritikan sosial kepada semua golongan.

"Kritik sosial melalui syarahan dan ceramah pasti tidak disukai generasi muda berbanding puisi yang boleh dibaca dalam pelbagai nada mengikut perasaan penulis dan terbayang melalui pemilihan kata-katanya," katanya.

(END)